


BAB 8: GARIS DAN SUDUT
SOALAN

1.



Dalam rajah di atas, JKL ialah garis lurus. Cari nilai x

Penyelesaian:

Apabila JKL ialah garis lurus, maka sudut JKL ialah 180° .


$$26^\circ + 90^\circ + x = 180^\circ$$

$$116^\circ + x = 180^\circ$$

$$x = 180^\circ - 116^\circ$$

$$x = 64^\circ$$

2.



Dalam rajah di atas, PTR dan QTS ialah garis lurus dan garis PQ adalah garis selari dengan garis SR. Berapakah nilai x ?

PENYELESAIAN

i) $\angle QPR = \angle SRP = \angle SRT$

Maka $\angle SRT = 24^\circ$

ii) PTR ialah garis lurus, maka,

$$\angle PTS + \angle STR = 180^\circ$$

$$76^\circ + \angle STR = 180^\circ$$

$$\angle STR = 180^\circ - 76^\circ$$

$$\angle STR = 104^\circ$$

iii) Jumlah sudut $\triangle SRT = 180^\circ$


$$x + \angle STR + \angle SRT = 180^\circ$$

$$x + 104^\circ + 24^\circ = 180^\circ$$

$$x = 180^\circ - 104^\circ - 24^\circ$$

$$x = 52^\circ$$

3.



Rajah di bawah menunjukkan tiga garis lurus yang bertemu pada satu titik O. Cari nilai bagi JOK.

i) Satu putaran lengkap pada titik O ialah 360°

Maka,

$$\angle LOJ + \angle KOL + \angle JOK = 360^\circ$$

$$90^\circ + 4x + 6x = 360^\circ$$

$$4x + 6x = 360^\circ - 90^\circ$$

$$10x = 270^\circ$$

$$x = \frac{270^\circ}{10}$$

$$x = 27^\circ$$

ii) $\angle JOK = 6x$

Apabila $x = 27^\circ$, maka

$$\angle JOK = 6(27^\circ)$$

$$\angle JOK = 162^\circ$$